

25/04/2000

Agensi diminta berhati-hati urus dana awam

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan agensi yang menguruskan dana awam supaya berhati-hati dalam membuat keputusan pelaburan supaya tidak menanggung kerugian.

Timbalan Perdana Menteri berkata, agensi yang menggunakan wang awam sepatutnya melabur dalam portfolio pelaburan yang selamat dan kurang risiko.

"Yang pentingnya ialah sesuatu agensi yang menggunakan wang awam, perlu berhati-hati kerana ia membabitkan risiko yang tinggi. Sebaik-baiknya ia dilaburkan dalam sesuatu yang tak ada risiko," katanya kepada pemberita selepas menutup Minggu Amanah Saham Malaysia di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan muka depan akhbar New Straits Times hari ini yang menyatakan Kabinet menyuarakan kebimbangan berhubung kerugian atas kertas RM1.15 juta, hasil pelaburan Lembaga Peperiksaan Malaysia di dalam pasaran saham.

Akhbar itu turut melaporkan lembaga itu membuat pelaburan di dalam pasaran saham sejak 1996, sebaik saja pasaran saham melonjak pada 1995.

Abdullah bagaimanapun berkata, beliau tidak pasti sama ada lembaga berkenaan boleh berbuat demikian.

Lembaga Peperiksaan Malaysia ketika dihubungi hari ini memberitahu perkara itu akan dijelaskan dalam sidang akhbar esok.

Sementara itu, Abdullah dalam ucapannya pada majlis itu, berkata pelaburan dalam skim saham amanah adalah pelaburan yang selamat dan mempunyai risiko yang rendah.

"Melabur dalam saham amanah adalah langkah yang bijak jika pelabur ingin mengelak dari mendapat kerugian akibat perubahan harga saham yang tidak menentu," katanya.

Beliau turut memuji usaha Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Persekutuan Pengurus Dana Amanah Malaysia (FMUTM) yang menganjurkan Minggu Amanah Saham Malaysia kerana dapat meningkatkan kesedaran dan kefahaman rakyat mengenai saham amanah.

Pada masa sama, beliau mencadangkan PNB mengadakan lebih banyak sesi penerangan di luar bandar bagi menjelaskan kepada pelabur daripada golongan pendapatan rendah mengenai kepentingan melabur di dalam saham amanah.

Mengenai Amanah Saham Malaysia (ASM) yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Khamis lalu, beliau berkata dana yang diuruskan PNB itu dapat membantu mempercepatkan proses pembangunan sosio-ekonomi negara dan pencapaian Wawasan 2020.

"Saham amanah yang terbuka kepada kanak-kanak dan orang muda ini adalah pelaburan untuk masa hadapan mereka kerana wang yang terkumpul itu boleh digunakan untuk pendidikan peringkat universiti atau sebagai modal memulakan perniagaan," katanya.

(END)